

31 JUL 2003

Rusia-Lawatan

PUTIN AKAN LAWAT MALAYSIA SELASA INI

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Presiden Rusia Vladimir V. Putin akan melakukan lawatan rasmi ke Malaysia Selasa ini, menurut Kementerian Luar hari ini.

Lawatan itu, atas jemputan Yang di-Pertuan Agong, pada mulanya dijadualkan 8 Julai tetapi ditangguhkan ke Selasa ini kerana beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan, menurut kenyataan Wisma Putra.

"Lawatan itu sebagai membalas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Rusia pada Mac tahun lepas. Lawatan ke Malaysia itu dianggap bersejarah kerana beliau merupakan presiden Rusia yang pertama melawat negara ini.

"Beliau akan diiringi satu delegasi yang terdiri daripada menteri, timbalan menteri dan para pegawai kanan kerajaan. Satu delegasi perdagangan juga akan merupakan sebahagian daripada rombongan itu," kata kenyataan itu.

Kementerian itu menyatakan bahawa lawatan Putin mencerminkan Rusia sangat penting dan bermakna kepada Malaysia dalam hubungan kedua-dua negara dan ini jelas daripada hakikat bahawa Malaysia akan merupakan satu-satunya negara yang bakal dilawat presiden itu di rantau ini.

"Selain Vietnam, Malaysia merupakan negara bukan sosialis yang pertama di kalangan negara anggota Asean yang akan dilawati oleh seorang pemimpin Kesatuan Soviet/Persekutuan Rusia," menurut kenyataan itu.

Sejak hubungan dijalin 35 tahun lepas, kedua-dua negara itu telah menikmati hubungan dua hala yang baik berasaskan kepada hormat menghormati yang ditunjukkan oleh kedua-dua pihak untuk meningkat dan mempelbagaikan hubungan kerjasama dalam bidang pertahanan, perdagangan, teknologi maklumat, pendidikan, angkasa lepas dan industri penerbangan, bioperubatan, linguistik dan kebudayaan.

Kerjasama dalam sektor pendidikan antara kedua-dua negara telah meningkat dan kini terdapat 400 penuntut Malaysia mengikuti melanjutkan pelajaran di beberapa universiti di Rusia.

Hubungan perdagangan dua hala antara Malaysia dan Rusia tahun lepas adalah RM1.34 bilion dengan imbalan perdagangan berpihak kepada Rusia.

Wisma Putra menyatakan eksport utama Malaysia ke Rusia termasuk minyak sayur, cecair atau pepejal mentah, ditapis atau disulin, minyak atau lemak sayur dan lemak haiwan, barangan diproses, pengilap daripada bahan haiwan atau sayuran, telekomunikasi, kelengkapan, peralatan aksesori, marjerin dan lelemak.

Import utama dari Rusia termasuk baja dan barangan yang diperbuat daripada besi.

Semasa lawatan Putin ke sini, beliau dijangka mengadakan perbincangan dua hala mengenai kerjasama ekonomi dan pelbagai isu antarabangsa. Beliau juga akan melancarkan Majlis Perdagangan Malaysia-Rusia.

Tiga perjanjian dijangka ditandatangani semasa lawatan itu:

- * Perjanjian mengenai Kerjasama Sains dan Teknologi
- * Perjanjian mengenai Kerjasama dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- * Kontrak bagi membekal dan menghantar pesawat Sukhoi SU-30 MKM,

Peralatan Sokongan Logistik dan Perkhidmatan untuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

-- BERNAMA

SR AHH BK RON